



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**MAJLIS PELANCARAN JELAJAH KEHAKIMAN**

Program Jelajah Kehakiman (“Program”) merupakan salah satu inisiatif Badan Kehakiman Malaysia melalui Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) selaku urus setia Program dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat atau *Corporate Social Responsibility (CSR)*. Program yang julung-julung kalinya diadakan ini bertujuan untuk memperkenalkan program dan inisiatif oleh Badan Kehakiman Malaysia dalam meningkatkan akses kepada keadilan serta literasi undang-undang di kalangan orang awam. Program ini akan berlangsung di Kota Bharu, Kelantan pada 4 - 5 Ogos 2022 dan di Kuching, Sarawak pada 24 - 25 September 2022. Program ini akan diperluas ke negeri-negeri lain pada masa akan datang.

Program ini akan turut disertai oleh 9 agensi Kerajaan dan swasta yang merupakan pemegang taruh Badan Kehakiman Malaysia iaitu Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Insolvensi Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Penjara Malaysia, Badan Peguam Malaysia / Persatuan Peguam Negeri dan DAPAT Vista (M) Sdn Bhd (bagi sistem e-Jamin).

Menerusi Program ini, Badan Kehakiman Malaysia akan menyediakan antara lain kaunter-kaunter seperti Kaunter e-Kehakiman, Kaunter Pesuruhjaya Sumpah, Kaunter e-Lelong, Kaunter e-Jamin, Kaunter e-Court Finance dan Kaunter Program MYC2C (Dari Bilik Bicara ke Bilik Darjah). Selain itu, terdapat juga pembukaan kaunter dan pameran

oleh agensi-agensi luar yang terlibat seperti perkhidmatan khidmat nasihat perundangan, carian kebankrapan, pemeriksaan kesihatan, semakan dan pembayaran saman trafik, penjualan produk serta pelbagai lagi perkhidmatan lain yang ditawarkan.

Semoga segala usaha sama secara bersepada antara Badan Kehakiman Malaysia dengan pemegang taruh yang terlibat dapat diteruskan dalam program-program sebegini yang berteraskan kepada misi serta visi yang sama iaitu untuk meningkatkan akses kepada keadilan serta literasi undang-undang dalam kalangan orang awam mengenai sistem pentadbiran kehakiman dan perundangan negara.

Sekian, terima kasih.

**Disediakan oleh:**

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA**

**Tarikh: 19 Julai 2022**